



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
13 NOVEMBER 2024 / 10 JAMADILAWAL 1446H**

SINDIKET 'JON' TUMPAS

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah berjaya menumpaskan sindiket penyeludupan migran warganegara Indonesia dalam satu Operasi Khas pada 11 November 2024 di sekitar Kajang, Selangor. Operasi yang bermula pada jam 6.00 petang melibatkan sepasukan pegawai pelbagai pangkat dari Bahagian Perisikan dan Operasi Khas, Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya.

Berdasarkan maklumat awam dan risikan selama dua minggu, pasukan operasi telah diatur gerak ke lokasi dan mengekori sebuah kenderaan yang mencurigakan. Pasukan operasi telah menahan kenderaan tersebut di sebuah premis kediaman yang dijadikan 'rumah penampungan' dan berjaya menahan seorang lelaki warganegara Indonesia yang dikenali sebagai 'Jon' disyaki sebagai 'transporter' berusia 42 tahun.

Pasukan operasi turut melakukan pemeriksaan ke atas premis kediaman tersebut dan berjaya menahan dua orang 'ahli sindiket' merupakan lelaki warganegara Indonesia yang disyaki sebagai penjaga premis berusia 20 dan 41 tahun. Turut ditahan 21 lelaki dan lima perempuan warganegara Indonesia berusia di antara 21 hingga 50 tahun. Jumlah keseluruhan yang ditahan adalah seramai 29 orang.

Hasil semakan awal mendapati 13 warganegara Indonesia telah tinggal lebih masa manakala warganegara Indonesia yang lain tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan atau Pas yang sah untuk berada di negara ini. Pasukan operasi telah merampas 14 naskah pasport Indonesia, wang tunai sebanyak RM13,430.00 dan menyita sebuah kenderaan jenis Toyota Vios yang dipercayai untuk mengangkut PATI.

Modus operandi sindiket adalah dengan membawa masuk dan keluar warganegara Indonesia melalui pintu masuk yang tidak diwartakan. Warganegara asing akan ditempatkan sementara di sebuah 'rumah penampungan' sebelum dibawa ke lokasi tertentu menggunakan kenderaan. Sindiket ini mengenakan bayaran sebanyak RM1,500.00 hingga RM2,500.00 bagi setiap seorang dan telah beroperasi selama enam bulan.

Seorang lelaki warganegara Indonesia ditahan kerana disyaki telah melakukan kesalahan dibawah Sek.26J dan dua lelaki warganegara Indonesia ditahan kerana disyaki di bawah Sek.26H Akta Anti Pamerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007. Manakala kesemua migran warganegara Indonesia ditahan kerana disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Sek.6(3) dan Sek.15(4) Akta Imigresen 1959/63 dan dibawa ke Depot Imigresen Bukit Jalil untuk siasatan lanjut.

Jabatan akan meneruskan tindakan tegas ke atas mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966, Peraturan-peraturan Imigresen 1963 dan Akta Anti Pamerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007.

#TAMAT#

**DATO' ZAKARIA BIN SHAABAN
KETUA PENGARAH IMIGRESEN
MALAYSIA**